

# UPM jalin kerjasama dengan University of Wisconsin-Madison jayakan Program Zoollery Art Intervention:Blue

Oleh: Noor Eszereen Juferi

Foto Oleh: Muhammad Nur Zairi Mohd Nazari



**SERDANG, 11 Julai** – Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan kerjasama dengan University of Wisconsin-Madison, Amerika Syarikat bagi menjayakan Program Zoollery Art Intervention (ZAI2024): Blue dalam menyemarakkan aktiviti berkaitan STEM di universiti.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa),UPM, Prof. Dr. Ismi Arif Ismail berkata program itu secara langsung memberi peluang untuk perkongsian kepakaran antarabangsa serta pengalaman yang akan memanfaatkan universiti.

“Program ini telah berjaya melibatkan kerjasama di antara dua universiti dan harapan saya adalah semoga program ini berterusan dan dapat diperluaskan lagi untuk dimanfaatkan oleh masyarakat,” katanya.



Dekan Fakulti Sains, UPM, Prof. Madya Dr. Nor Azwady Abd Aziz berkata program itu menggabungkan seni kreatif dalam cabang sains yang akan memberi elemen keseronokan serta menarik minat pengunjung untuk melihat manfaat STEM dalam kehidupan.

“Ini juga memberi pendedahan berkenaan teknik dan kaedah pameran sains yang lebih kreatif serta boleh diterokai tanpa terhad kepada cabang sains dan agar lebih menarik dan mudah difahami,” katanya.

Selain itu, program ZAI2024: Blue adalah hasil perkongsian kepakaran Profesor Jennifer Angus dan Dr. Noor Azrizal Abdul Wahid dalam penggunaan serangga dalam seni kreatif serta Prof. Madya Dr. Faridah Qamaruz Zaman dalam bidang cyanotype telah berjaya mengubah pameran sains di Zoollery kepada suasana baharu yang lebih segar.



Penyelaras Zoollery, Jabatan Biologi, Fakulti Sains, UPM, Prof. Madya Dr. Faridah Qamaruz Zaman berkata antara keunikan di Zoollery antaranya adalah pameran taksonomi haiwan yang unik yang telah diberi nafas baharu untuk tatapan pengunjung.

“Antara pameran lain iaitu spesimen serangga menggunakan kaedah insect jelly dengan mengekalkan warna asal serta menggunakan pewarna semula jadi tumbuhan dan flora untuk menjadikan pameran tersebut menarik,” katanya.